# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 12 | RABU 19HB MACH, 1980. | رابو 2 جمادي‌الاول 1400 | PERCHUMA


## DYMM Raja Isteri selamat meluaran sa-orang Puteri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, menguchapkan berbanyak terima kaseh di-atas sembah2 yang telah di-sembahkan di-masa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri selamat meluaran sa-orang Puteri pada hari Rabu, 12hb Mach yang lalu jam 6.45 pagi.

Puteri Baginda berdua itu bernama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bulqiah.

Berikutan dengan meluaran Puteri itu, Istiadat Jaga2 telah di-adakan di-Istana sa-lama 14 hari mulai 12hb Mach yang lalu. Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah dilangsongkan di-Lapau disini pada petang hari Rabu lalu. Istiadat yang dijalankan dengan penoh adat istiadat itu di-laksanakan di-hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan di-hadhiri oleh pembesar2 negara.





YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna (kiri) ketika bersabda di-upachara tersebut. Gambar atas kelihatan Yang Teramat Mulia membalas tabek hormat ketika perbarisan berjalan lalu di-hadapan pentas sementara gambar bawah pula Yang Teramat Mulia menyampaikan 'belantan' kapada rekrut 198 Dk Hamimah bte Pg Haji Damit, yang telah di-pileh sa-bagai rekrut terbaik dalam semua jurusan.



## Jaga nama baik pasokan Pulis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna binte Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin berharap supaya anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei akan dapat bekerja dengan lebeh baik, aktif dan giat lagi demi untok kesejahteraan dan keamanan negeri Brunei Darussalam.

Yang Teramat Mulia juga berharap kapada anggota Pulis Diraja, khas-nya kapada rekrut2 yang baru menamatkan latehan mereka supaya akan sentiasa menjaga nama baik Pasokan Pulis Diraja Brunei dan akan sentiasa menjalankan tugas masing2 mengikut lunas dan kehendak2 Ugama Islam dan menjalankan kerja2 sa-harian dengan mengikut petunjok2 Allah s.w.t.

"Tambahan pula Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menjadi Inspektor General sementara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir pula menjadi Pesurohjaya Pulis Bersama bagi Pasokan Pulis Diraja yang mana ia-nya merupakan satu penghormatan yang begitu tinggi bagi Pasokan Pulis Diraja Brunei", sabda Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna itu berharap demikian ketika bersabda di-upachara tamat latehan bagi 36 orang anggota Pasokan Pulis Diraja Wanita yang telah di-adakan di-Pusat Latehan Jalan Muara pada hari Sabtu lalu.

Yang Teramat Mulia juga telah menguchapkan tahniah dan penghargaan kapada rekrut2 wanita yang telah menamatkan latehan mereka di-pusat itu dan kapada empat orang anggota pulis wanita yang telah berjaya menamatkan kursus payong terjun di-chawangan Payong Terjun, Sekolah Latehan Pemandu di-Singapura.

Rekrut2 yang telah menamatkan latehan pada pagi

Lihat muka 16

## 30 orang pegawai lagi naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 30 orang lagi pegawai dari beberapa buah jabatan Kerajaan di-naikkan pangkat. Mereka yang di-naikkan pangkat itu termasok-lah empat orang pegawai Bahagian II; tujoh orang pegawai Bahagian III; 17 orang pegawai Bahagian IV dan sa-orang pegawai Bahagian III di-naikkan pangkat ka-Bahagian II.

Tiga orang pegawai dalam Bahagian II telah dinaikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas. Mereka ia-lah Pengiran Haji Ahmad bin Pg Mohd Yusof, Pegawai Protokol — Adat Istiadat; Pengiran Haji Kamaluddin bin Pg Haji Matassan, Setia Usaha Adat Istiadat dan Pengiran Anak Puteh ibni Pg Pemancha Muda Haji Mohd Alam, Pegawai Pentadbir Tingkatan I. Kenaikan pangkat bagi Pengiran Haji Ahmad dan Pengiran Haji Kamaluddin bermula dari 1hb Januari, 1979 sementara kenaikan pangkat bagi Pengiran Anak Puteh bermula dari 1hb September, 1979.

Sa-orang lagi pegawai dalam Bahagian II, Awang Matdanan bin Haji Jaafar

Lihat muka 16

### Manis-nya Iman

"APABILA kamu mendatangi orang sakit atau orang mati hendak-lah kamu menguchapkan perkara yang membawa kebajikan, kerana sa-sungguh-nya malaikat mengaminkan apa yang kamu uchapkan". — HADITH Nabi riwayat Muslim daripada Ummu Salamah.

## Pelihara harta-benda Kerajaan — Pengiran Ismail

BERAKAS. — Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit mengingatkan supaya perbuatan dan tabi'at merosakkan harta benda Kerajaan terutama bangunan2 sekolah akan dihentikan di-kalangan penuntut2 dan orang awam.

Kata-nya ada-lah patut kita merasa bangga dengan kemudahan2 yang di-berikan itu dan sudah menjadi tanggong-jawab kapada kita untok menjaga keselamatannya.



Pengiran Ismail

Uchapan beliau yang dibachakan oleh Awg. Jumin bin Marsal sa-orang jurutera di-Jabatan Kerja Raya di-temasha sokan tahunan Sekolah Inggeris Berakas petang Sabtu yang baru lalu, Pengiran Ismail berkata, dalam memelihara dan membaiki kerosakan2 di-bangunan2 Kerajaan, JKR sentiasa memperbaiki kerosakan2 demikian berulang2 dalam masa yang sengkat.

Memandangkan perkara demikian ujar-nya ia-nya terpaksa melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang banyak untok memperbaiki-nya.

Terdahulu dalam uchapan itu Pengiran Ismail menjelaskan, dalam ranchangan kemajuan lima tahun Kerajaan yang baru, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah bermurah hati menyediakan perbelanjaan yang besar dalam bidang pelajaran dan sokan seluroh negeri.

Ini jelas-nya termasok pembenaan sekolah dan rumah guru yang sedang dan akan terus di-laksanakan dengan pesat-nya di-samping pembenaan sa-buah stadium yang bertaraf antarabangsa.

"Dengan terbena-nya nanti tempat2 dan padang sokan ini akan dapat memberi kita kesempatan yang lebeh banyak dan baik bukan saja kapada penuntut2 bahkan kapada semua raayat negeri ini", jelas beliau.

Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

19HB MACH, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## TABI'AT MEROSAK DI-KALANGAN PENUNTUT2

SOKAN tahunan Sekolah Inggeris Berakas tidak saja berjaya mengadakan sokan-nya untok menghasilkan penuntut2 yang chergas, tetapi jua berjaya menchuit hati nurani penuntut dan pelajar2 di-negeri ini supaya memileki sikap bertanggong-jawab terhadap perkara2 yang menjadi hak mereka untok memeliharanya.

Chuitan terhadap hati nurani mereka itu telah dilakukan oleh Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit yang sa-chara tegas menimbulkan rasa kurang senang-nya terhadap sikap sa-tengah2 penuntut atau pelajar2 di-negeri ini yang menyimpan tabi'at merosak harta-benda Kerajaan yang di-bekalkan di-sekolah2 atau maktab2. Tabi'at merosak ini bukan saja kurang baik pada pandangan mata, tetapi ia-nya ada-lah satu petunjok yang mula menampakkan kemerosotan akhlak dan budi pekerti penuntut2 atau pelajar2 yang melakukan-nya.

Penuntut2 atau pelajar2 sepatut-nya arif benar akan kedudokan kemudahan2 yang di-bekalkan bagi kepentingan mereka itu dan bila sudah kemudahan2 itu "berkepentingan" kapada mereka, maka pentinglah juga bagi mereka untok memelihara, menjaga dan mengawal-nya supaya tetap dalam keadaan yang baik.

Dalam uchapan membuka rasmi sokan tahunan itu, Pengiran Ismail memberi tahu bahawa Kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja pemeliharaan yang banyak sa-mata2 untok memperbaiki kerosakan2 yang terdapat di-sekolah2 dan maktab2 negeri ini. Dan, kita perchaya bahawa jumlah peruntokan yang banyak itu pula boleh di-gunakan untok membuat bangunan yang baru. Maka itu, alang-kah baik-nya jika perbuatan2 yang demikian itu dapat di-hindarkan dan patut benar-lah bagi penuntut2 atau pelajar2 itu melakukan sa-suatu yang baik sesuai dengan sifat mereka sa-bagai orang2 yang di-harap dan bakal pemimpin — sekurang2-nya bakal pemimpin sa-buah rumah tangga atau bakal pemimpin kapada salah satu unit keluarga.

Harus di-ingat bahawa peranggapan atau REPUTATION kapada penuntut di-sisi masharakat ada-lah diantara yang tertinggi penempatan-nya, kerana mereka di-anggap sa-bagai gulongan yang terpelajar yang tahu akan chiri2 kehidupan yang baik dan dapat menilai sa-suatu yang perlu, yang tidak perlu, yang baik dan yang tidak baik. Apa lagi bagi kalangan penuntut2 atau pelajar2 yang belajar di-sekolah2 menengah dan maktab2. Kalangan ini kebanyakan-nya telah memasoki ambang kedewasaan sama ada di-segi umor mahu pun di-segi pengalaman hidup. Maka itu, hendak di-katakan yang mereka itu tidak tahu memileh mana yang baik dan mana yang tidak atau kurang baik itu ada-lah satu perkara yang susah untok menentukan-nya. Kalau mereka memileki satu2 tabi'at saperti tabi'at merosak yang sa-tentu-nya satu perbuatan yang tidak baik dan merugikan, maka pelajaran dan pendidekan yang ada pada-nya dapat di-pergunakan dan di-jadikan "tanya-jawab" dalam diri sendiri — "apa-kah perbuatan saya ini baik atau tidak?" Maka jawapan-nya ada-lah pasti bahawa perbuatan merosak itu ada-lah tidak baik. Jika lunas2 berfikir yang paling rengan ini dapat di-pergunakan, maka mereka tidak akan menjadi gulongan perosak, bahkan mereka akan menjadi "penyayang". Kita yakin bahawa penuntut2 dan pelajar2 di-negeri ini tidak rela nama baik mereka itu akan di-chemari di-sebabkan oleh perbuatan2 jahat dari sa-gelintir rakan2 mereka di-sekolah atau di-maktab. Untok memelihara nama baik ini, ikhtiar2 harus di-lipat gandakan untok mengawal dari berleluasa-nya perbuatan2 merosak itu di-samping kawalan2 terhadap perbuatan2 lain yang kurang manis dan boleh menchachatkan kemurnian imej penuntut atau pelajar yang di-anggap tinggi dan mulia di-sisi masharakat itu.

## PADA HEMAT SAYA....

# AMAN DAN SELAMAT

APABILA sa-seorang di-tanya: ada-kah dia merasa aman kalau meninggalkan satu2 barang di-tempat awam ?

Tentu sukar mendapati jawaban yang positip dari kebanyakan orang. Paling mudah ada yang akan menjawab : "Bergantong-lah kapada jenis barang dan keadaan. Kalau barang yang kurang berharga dan ditempat yang selamat baru-lah barangkali di-rasakan aman".

Jawaban itu sendiri-nya mengakui bahawa tidak semua barang akan di-rasakan selamat apabila di-tinggalkan di-sebarang tempat.

Apa begitu-kah suasana hari ini ?

### BERANI

Tapi pada sa-tengah2 kejadian biasa pula di-dapati, mithal-nya, ada orang berani meninggalkan kereta tidak berkunchi atau barang2 jualan tidak berpenunggu.

Ada orang lain yang berasa chemas kalau mendapati sa-demikian. Tidak kurang pula ada yang berasa ta'ajub.

Yang berasa chemas itu biasa-nya menyesali sikap tuan punya yang tidak mengherankan sebarang kemungkinan burok saperti kechurian. Sementara yang ta'ajub itu pula hairan: bagaimana barang yang ditinggalkan sa-chara begitu boleh selamat dalam suasana sekarang ?

Kedua2 sikap chemas yang di-sertai kesal dan sikap ta'ajub yang di-sertai hairan itu sa-olah2 juga menekankan bahawa tidak semua barang akan di-rasa selamat apabila di-tinggalkan di-sebarang tempat.

Maka sa-olah2 pula dalam suasana sekarang ini sa-seorang sukar merasa aman ka-atas harta-nya. Serentak dengan itu sa-olah2 juga sukar untok menaroh keperchayaan terhadap orang lain.

Ada-kah sampai begitu sekali keadaan chemas dirasakan ?

### WASPADA

Tapi, andaian yang terakhir ini *(yakni : sukar merasa aman ka-atas harta; dan sukar untok menaroh keperchayaan terhadap orang lain)* tentu tidak dapat di-terima sa-bagai meneluroh. Sebab, pada umom-nya orang ramai tidak-lah sampai sa-begitu 'gelap' mata dan hati dari melihat dan merasakan suasana aman serta selamat yang menyelubongi keadaan sa-hari2.

Lalu, kalau mithal-nya ada orang menguncni kereta; mengunchi rumah; mengadakan penunggu ka-atas barang2 dan malah juga 'penunggu' rumah maka itu boleh di-fahamkan sa-bagai tanda berwaspada. Dan itu memang-lah munasabah sekali pun dalam suasana aman serta selamat.

Tinggal lagi, tentu tidak munasabah bahkan melampau kalau berwaspada itu di-sebabkan dorongan2 perasaan yang tidak terjamin. Sebab pada umom-nya suasana ada-lah aman dan selamat. Aman dan selamat itu sa-patut-nya sudah menjamin sa-hingga tidak wajar mithal-nya menaroh churiga terhadap orang lain dalam perkara keselamatan harta benda.

*Tinggal lagi, kalau di-chongak2 dapat di-katakan tidak ramai orang yang berwaspada itu sa-takat kerana waspada. Yang ramai ia-lah kerana churiga, berasa tidak selamat dan sa-bagai-nya.*

Itu-lah yang tidak munasabah-nya!

### REAKSI

Mungkin berwaspada yang tidak munasabah saperti itu dapat di-fahamkan sa-bagai reaksi kapada apa yang di-dengar, di-lihat atau di-bacha. Kejadian2 saperti rompakan, penchulekan dan pembunohan hampir hari2 di-lariskan menerusi berita2 dunia. Sa-bagai tambahan-nya, siri cherita2 yang sama tempo-nya dengan kejadian2 itu sangat pula 'di-popularkan'. Maka dengan kerana laris dan popular itu-lah membuat sa-seorang sukar membezakan *'dunia—orang lain'* dari *'dunia-nya'*. Paling kurang pun dia perchaya : apa yang di-dengar, di-lihat atau di-bacha-nya itu bila2 masa boleh berlaku di-mana2, termasok di-*'dunia-nya'* di-sini.

Ada-kah sampai begitu sekali kesan-nya?

Begitu-lah lebeh kurang. Kalau tidak, masakan sampai di-rasa2kan sa-takat meninggalkan satu2 barang pun tidak aman dan tidak selamat. Pada hal suasana dan keadaan yang ketara ada-lah pada keseluruhan-nya mematutkan sa-seorang merasa berkeselamatan terhadap harta-nya dan lain2 lagi milek-nya.

### BOLEH MENULAR

Jadi, ada-lah juga kesan perasaan tidak aman melalui apa yang di-laris dan di-popularkan itu apabila di-rasakan: tidak semua barang akan selamat kalau ditinggalkan di-sebarang tempat.

Tidak hairan kalau kesan sa-demikian boleh menular kapada sikap hidup. Dapat di-chongak2 begini: apabila sa-seorang berperasaan tidak selamat ka-atas harta-nya dia mudah saja menchurigai orang lain. Ketika itu-lah, sa-chara perlahan2 dan tidak di-sedari, sikap perchaya mempercha-yai antara sa-seorang dengan sa-seorang akan berkurangan. Yang akan mengganti dan mengatasi ia-lah 'uri'.

Maka ketika itu, bayangkan-lah bagaimana sikap sa-seorang apabila 'uri'-nya mengatasi segala2-nya. Malah bayangkan-lah juga betapa apabila 'uri' itu menjangkiti atau di-jangkitkan kapada orang lain. Tentu ramai orang dalam masharakat turut sama 'beruri' sa-demikian.

Bagaimana pun, orang tentu tidak senang hidup dalam masharakat yang 'beruri'. Sebab itu maseh boleh di-harapkan akan ramai pula orang perlu menchari jalan 'melariskan' dan 'mempopularkan' sikap waspada yang bukan kerana churiga tetapi kerana mahu menjadikan diri-nya dan diri orang lain sentiasa berasa aman dan selamat.

Ini sangat perlu dengan keperchayaan bahawa orang lain ada-lah sama memerlukan perasaan sa-demikian. Tentu ma'ana-nya orang ramai perlu mengasoh semangat perchaya memperchayai antara satu sama lain.

Bukan itu berma'ana akan tidak ada lagi sebarang kemunkinan pelanggaran terhadap semangat demikian. Chuma pada perengkat itu nanti akan jelas di-ketahui dan di-bezakan yang pelanggaran tersebut sa-memang-nya di-lakukan oleh orang2-nya, dan mereka tentu tidak ramai. Begitu pun, tentu maseh pula boleh di-harapkan yang orang2 itu juga akan turut menaroh rasa segan — silu terhadap semangat umom berkeselamatan dan berkeamanan itu. Apa-tah lagi kalau mereka itu juga 'di-gentar—gerunkan' pula oleh hukuman2 yang sa-timpal.

Tidak-kah begitu yang di-harapkan dalam masing2 perlu merasa aman dan selamat; bukan saja dalam perkara harta, tapi juga dalam perkara jiwa dan maruah ? — *Ketua Pegawai Peneranangan.*

"....orang ramai tidak-lah sampai sa-begitu 'gelap' mata dan hati dari melihat dan merasakan suasana aman serta selamat yang menyelubongi keada'an sa-hari2".

# HER HIGHNESS GIVES BIRTH TO A BABY GIRL

BANDAR SERI BEGAWAN.—There was a good news from the Istana Darul Hana last week.

For the Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha gave birth to a baby girl at the Palace on Wednesday.

A traditional opening of the Gandang Jaga-Jaga ceremony was held in the afternoon at the Lapau here to commemorate the newly-born princess.

The grand ceremony was conducted in the presence of the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

The function was marked by a 21-gun salute.

Among those present at the ceremony were the YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah, members of the Royal Family, and other state dignitaries.

The rite ended with a prayer read by the State Mufti, the Hon'ble Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail.

His Highness the Sultan and Yang Dipertuan and Her Highness the Raja Isteri at present have five children, a prince and four princesses.

# Take precautions against fire

BANDAR SERI BEGAWAN. — During this dry spell, fires particularly the bush fires are very likely to break out.

Very recently, in one day alone, nine cases of fires were reported.

And numerous bush fires have occurred all over the country.

In view of this grave situation, the Brunei Fire Brigade has advised the public to take precautions against fires.

The Fire Brigade has said that the fires were usually caused by careless people who left burning rubbish unattended.

And in many occasions, bush fires were caused by burning cigarette butts which must be put out before being thrown away.

Picnickers must exercise caution also. They are asked to put out fires which they use for cooking purposes before leaving the spots.

Farmers have to bear in mind that they must keep the dry grass away from the paddy storage areas so as to minimise the fire risks.

The fire Brigade reminds the public that fires will not only destroy property, but will also endanger human life.

"Prevention is better than cure", thus the public are requested to exercise precautions to their utmost.

## RMN officers donate blood

MUARA. — The officers and cadets of the Royal Malaysian Navy last Tuesday week donated 25 pints of blood to the State Blood Bank at the Medical Section of the First Flotilla in Muara.

The generous donors were led by the Captain of Royal Malaysian Navy ship, KDB Seri Langkawi, Lt Col Zawawi bin Adam.

Those present at the donation centre included the officers of the Flotilla.

The craft left for Malaysia in the afternoon, after visiting Brunei for the recent international polo tourney.

Meantime, the State Blood Bank has collected a total of 383 pints of blood since its blood collection campaign commenced in January this year.

Last year, the bank collected a total of 1651 pints of blood from public.

The Brunei hospitals need blood very badly, hence, to donate one's blood is like doing something for charity.




# RBA's third jet arrives

BERAKAS. — The Royal Brunei Airlines (RBA) has earned a good reputation in this part of the world.

More and more tourists persist in travelling with RBA's jets, and more foreign companies like its planes to carry their cargoes.

In order to meet the increasing demand, its third Boeing 737 VR-UED 200 QC arrived at the Brunei International Airport last Monday week. (see the picture above).

The new jet, a cargo-passenger convertible, flew across America, Europe and Middle East and went into service on Friday

Flying the aircraft to Brunei were Captain David Taylor, RBA's flight operations manager and 2 other pilots.

Passengers included the airlines' general manager, Mr Alan Douglas, who took delivery of the craft.

After its arrival, the three RBA Boeings were lined-up on the tarmac.

It was welcomed by the General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, the Menteri Besar, the Attorney General and the senior officers of the airlines.

The only visible difference from the outside to RBA'S other 737s, is the very large cargo door on the front port side.

It is able to carry a maximum load of 14 tonnes. In other words, it can carry 2 pallets of cargo and 72 passengers.

The jet, manufactured in Seattle, the home of Boeing, on the northern US West Coast, has costed about US$12½ million.

Meanwhile, a blessing ceremony for the new jet was held on Friday morning at the International Airport.

The rite was conducted by an officer of the Religious Affairs Department, Yang Mulia Pehin Imam Haji Tamin. Mr Alan Douglas and other officials of the airlines attended the function.

Soon after the ceremony was over, the craft took off for Singapore.

# OIL AND GAS PRODUCTION FIGURES

SERIA. — The Brunei Shell last week released figures of its oil and gas production for the second half of last year.

The average of daily oil production was 240,459 barrels of which 37,341 came from onshore oil fields.

The total of Brunei liquified Natural Gas shipped to Japan during that period was 85 cargoes.

Meantime, 9 senior officers from the State Secretariat's Economic Planning Unit ended a 2-day familiarisation course organised by the Brunei Shell on Friday.

Led by the unit's directress, the Hon'ble Datin Hajjah Jusnani bte Hj Lawie, they were briefed by Shell's representatives on the company's various functions and services.

On Friday morning, they visited the LNG's plant at Lumut.

In the afternoon, they returned to Seria for discussions with the Shell's management officials.

# Road Safety Poster contests

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Road Safety Council last Thursday announced the results of the road safety poster competitions for secondary schools and colleges held last December.

The first prize was won by Awang Hassanuddin bin Mohd Salleh of the Berakas English School.

Second was Dk Mariam bte Pg Mohd Daud and Ak Mohiddin bin Pg Mohd Daud was third, both are from the Sixth Form Centre.

The posters will be displayed at the Language and Literature Bureau in the capital on April 10.

More than 100 students participated in the contest.

The first 3 winners will later receive $200, $150, and $100 respectively.

There were 5 consolation prizes also. Each winner will receive $50.

They are Heng Swan Teng and Chin Lah Mei, both are from the Chung Hwa Middle School, BSB, Masinah bte Bolhassan of the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers' Training College in Jalan Gadong, Abd. Rahman bin Ahmad of the Sixth Form Centre and Md Rantis bin Muhammad of the Muda Hashim Malay Secondary School in Tutong.

Meanwhile, The Brunei Road Safety Council also held a talk on road safety for more than 200 students of the Berakas English School in the Brunei-Muara District on Wednesday.

The talk was delivered by a senior member of the council, Pg. Hj. Salim bin Pg.Wahid.

The council continues to carry out the campaign to promote the alertness for road safety among students all over the country.

Slides on the consequences of road accidents were also shown to the students.

# Money order introduced to Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN. — A statement from the Brunei Postal Services Department has said the money order was first introduced to the Temburong Post Office in Bangar on March 15.

The service includes the acceptance of ordinary money orders and payment of both ordinary and telegraph money orders.

Before the introduction of the new service, the residents in the Temburong District could only send their money orders through the Postal Service Department in the capital.

Meanwhile, in order to render more efficient postal service to villagers in rural areas, the department has appointed a large number of stamp vendors in various villages.

Recently, the department has again appointed 3 stamp vendors, they are:—

1) Gadong Road Junction : B5 Begawalli Shopping Complex, Jalan Gadong, Brunei.

2) Kampong Bunut: Sharikat Sapakat, Kg Bunut, Brunei.

3) Kampong Lumut: Sharikat Perusahaan Taring, Kg. Lumut Seria.

The public in these areas are requested to make full use of the new service.

# 81 pass 'A' level exams

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of 81 out of 683 candidates have passed the Advanced Level Malay Medium Singapore Cambridge examination which was held in November last year.

They have achieved passes in at least two subjects in the Advanced level and two in Ordinary level.

The results released by the Examination Board of the Education Department have shown that the highest percentage of passes is from the candidates of the Sixth Form Centre in Jalan Muara. Out of 102 who sat for the exam, 43 or 42. 16 percent have passed.

Of the 536 private candidates who took the exam at two centres here and one in the Belait District, only 38 or 23 percent have passed.

Meanwhile, the registration for the classes of the Brunei Commercial Certificate started last week continues until the tenth of next month.

The examination will be held in June.

Meanwhile, 30 outstanding students of the Muhammad Alam Malay Secondary School in Seria received prizes at a ceremony held at the school on Saturday.

They included those who have passed the recent Brunei Junior Certificate of Education Examination.

The prizes were donated by several shops and restaurants in the Seria-Kuala Belait area.

The generosity of these concerns will encourage the students to achieve better results in the coming examinations.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.J.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

Siri ke-24

# Allah puncha pertolongan (II)

## TAWASSUL DAN ISTIGHATHAH

DI-SEBUTKAN dalam kitab Shawahidul-Haq karangan Al-'Allamah As-Sheikh Yusof An-Nabhani (meninggal tahun 1350 Hijrah, Rahimahullahu Ta'ala) yang di-chetak oleh Al-Halabi di-Mesir tahun 1374 Hijrah — saperti berikut:

"Saya telah membacha suatu kitab karangan Al-Arif Al-Kabir As-Shahir Syyedi As-Sheikh Abdul Ghani An-Nabulusi yang meninggal pada tahun 1143 Hijrah (Radhiallahu 'Anhu). Nama kitab itu ia-lah جمع الأسرار في منع الأشرار عن طعن في الصوفية الأخيار

Kitab tersebut memetek fatwa dari kalangan ulama yang terkenal dari mazhab yang empat.

Al-Arif Abdul Ghani ini mengatakan dalam kitab-nya. "Sabahagian daripada fatwa itu, ia-lah fatwa yang di-hadapkan kapada As-Sheikh Al-Imam Al-Allamah Muhammad Ash-Shaubari Al-Masri (yakni As-Shafii) yang meninggal tahun 1069 Hijrah (Rahimahullahu Ta'ala)", rengkasan-nya:

"Ada-kah keramat wali2 itu betul ada sa-lepas mereka mati? Ada-kah tasarruf (perbuatan dan tindakan) mereka putus dengan sebab mati mereka atau tidak? Ada-kah harus menguchup batu keranda wali2 itu dan bendul-nya atau tiada?" Perkara ini di-jawab oleh Ash-Shamsus-Shaubari. Rengkasan-nya sa-bagaimana berikut:

## PENDAPAT

"Ada-lah keramat wali2 itu memang benar ada, dan tasarruf mereka tiada putus atau tiada terhenti sa-lepas mereka mati. Harus dan boleh tawassul dengan mereka bagi menghadapkan sa-suatu permohonan kapada Allah Ta'ala, supaya do'a di-terima oleh Allah. Dengan pengertian ini harus minta bantuan (istighathah) dengan Nabi2 dan Rasul2, dengan ulama2, dan dengan orang2 salleh sa-lepas mereka mati, kerana mu'jizat Nabi2 dan keramat wali2 tiada putus sa-lepas mereka itu meninggal dunia."

Ada pun Nabi2 (Alaihimus salatu wassalam) mereka itu hidup dalam kubor mereka, mereka bersembahyang, dan pergi Haji, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh hadith2 Nabi (Sallallahu 'alaihi wassalam) akan hal ehwal mereka. Bantuan dan pertolongan mereka ada-lah merupakan suatu mu'jizat mereka. Mengenai dengan bantuan wali2 itu pula menjadi suatu keramat bagi mereka.

Menurut Tuan Guru kita As-Sheikh Ar-Ramli (Rahimahullahu Ta'ala): "Perkara keramat itu boleh di-saksikan dan nampak pada orang ramai (tiada boleh di-engkarkan). Kita beri'tiqad bahawa keramat2 mereka ada-lah betul dan benar ada, sama ada sa-masa mereka hidup, mahu pun sa-telah mereka mati. Dan tiada-lah terhenti keramat mereka itu dengan sebab kematian mereka."

Kemudian ia berkata pula: "Ada pun menguchup batu keranda atau batu maqam wali2 itu dan bendul pintu maqam tiada khilap ulama pada harus-nya. Bahkan tiada makroh pada menguchup bendol pintu maqam mereka, dengan maksud mengambil berkat (sa-bagaimana yang telah di-fatwakan oleh Tuan Guru kita Ash-sheikh Ar-Ramli Rahimahullahu Ta'ala)".

Di-akhir fatwa-nya Ash-Sheik Muhammad Ash-Shaubari mengatakan: "Semua-nya ini terang dan nyata dengan tidak memerlukan dalil, kerana minta dalil dalam perkara ini menunjokkan orang itu jahil dan degil, tiada mustahak di-layan dan di- ambil perhatian perkata'an-nya dalam perkara2 hukum shara' sa-umpama perkara ini".

Demikian-lah fatwa Ash-Shamsus-Shaubari (sa-bagaimana yang tersebut dalam Shawahidul-Haq) yang telah di-naqalkan (di-petek) oleh Syyedi Ash-Sheikh Abdul Ghani An-Nabulusi mengikut bagaimana yang telah di-tulis oleh Syyedi itu.

## HARUS

Dalam Jam'ul Asrar di-sebutkan pula begini: Orang bertanya kapada Al-Allamah Ash-Shihab Ar-Ramli Ash-Shafii' (meninggal tahun 971 Hijrah, rahimahullahu ta'ala) dalam perkara berlaku sa-suatu kesusahan di-kalangan orang ramai, mereka berkata: Ya Sheikh Fulan atau sa-umpama-nya. Maka Al-Allamah Ar-Ramli itu menjawab bahawa minta bantuan (istighathah) dengan Nabi2, Rasul2 ('Alaihimus salatu wassalam) dan dengan wali2 dan ulama2, dan orang2 salleh ada-lah harus (boleh).

## DALIL MENGHARUSKAN TAWASSUL

Kemudian As-Sheikh Abdul Ghani pengarang Jam'ul Asrar membayangkan bahawa dalil dalam perkara yang mengharuskan bertawassul dan istighathah itu ia-lah sa-bagai mana firman Allah Ta'ala:

يـا ايها الـذين آمنوا اتقوا الله وابتغوا اليه الوسيلة

Berkata Ash-Sheikh Ar-Ramli: "Rasul2, Nabi2 dan Wali2 itu di-kurniakan di-tangan mereka sifat ighathah (memberi bantuan) sa-lepas mereka mati, kerana mu'jizat Nabi2 dan keramat wali2 tiada-lah terhenti dengan sebab mereka mati. Adapun Nabi2 itu mereka hidup dalam kubor mereka, bersembahyang dan pergi haji sa-bagaimana yang tersebut dalam hadith2 Nabi. Pertolongan mereka itu ada-lah merupakan mu'jizat mereka. Orang2 mati shahid juga hidup, boleh di-saksikan mereka di-siang hari dengan terang2 memerangi orang2 kafir. Mengenai dengan wali2, bantuan yang di-berikan oleh mereka ada-lah merupakan keramat bagi mereka". Demikian-lah pendapat Al-Imam Ar-Ramli.

Kemudian As-Sheikh Abdul Ghani menyebutkan pula fatwa Al-Allamah Ash-Sheikh Abdul Hai Ash-Shurunbulali Al-Hanafi menurut kata-nya: "Adapun tawassul dengan Nabi2 dan wali2 ada-lah harus, kerana tiada menjadi shak (tiada munasabah) sa-seorang Islam itu beri'tiqad pada Syyedi Ahmad (Al-Badwi) atau lain2 wali mempunyai kuasa menjadikan sa-suatu saperti menunaikan hajat atau lain-nya melainkan dengan kehendak iradat dan kudrat Allah Ta'ala. Orang Islam pada masa mengeluarkan perkata'an-nya itu hendak-lah betul2 sunyi atau jauh dari i'tikad yang menyebabkan kufur, wajib-lah kita ihtimalkan begitu (bergantong kapada kudrat dan iradat Allah jua)". Demikian-lah perkata'an Ash-Sheikh Ash-Shurunbulali itu.

## FATWA

Berkata Syyedi Abdul Ghani: di-bawah ini diperturunkan sa-bahagian dari fatwa Al-Imam Al-Humam Ash-Sheikh Muhammad Al-Khalili Ash-Shafii "Ketahui-lah bahawa membangkang (merendahkan) kaum tasauf itu rugi, sa-bagaimana yang telah di-naskan (di-nyatakan) oleh Al-Allamah Ibnu Hajar (yang meninggal pada tahun 974 Hijrah) ia-lah sa-orang pemimpin besar dalam mazhab kita As-Shafii dan barang siapa membangkang kaum tasauf itu di-khuatiri ia akan mati dalam Suu'ul Khatimah, sa-bagaimana telah berlaku kapada kebanyakkan orang yang membangkang kaum tasauf (tasauf yang di-akui benar-nya), di-tarek segala nikmat daripada mereka, dan mereka tidak berjaya dalam hidup mereka".

Ash-Sheikh Al-Khalili mengatakan: "Adapun perkata'an orang yang membangkang, bahawa tiada harus bertawassul dengan Nabi2 dan dengan wali2, maka itu semua-nya dusta dan bohong. Ulama2 besar kita telah menegaskan dengan nas-nya yang berbunyi bahawa harus bertawassul dengan orang2 yang baik ugama-nya dan salleh. Tiada-lah sa-seorang awam pun istimewa orang yang pengetahuan ilmu Islam-nya baik menyangka bahawa orang saperti Syyedi Ahmad Al-Badwi itu boleh menjadikan sa-suatu dalam alam ini. Biasa-nya orang2 awam itu memandang diri mereka kurang dan rendah bagi memohon kapada Allah Ta'ala dengan yang demikian mereka bertawassul dengan orang2 yang tersebut tadi, kerana mengambil berkat daripada mereka", Demikian-lah tersebut dalam Shawahidul Haq.

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)



# MURAQABAH

SALAH satu sikap mental orang yang beriman dan bertakwa ia-lah muraqabah — ia-itu sa-tiap sa'at berwaspada, selalu mengawasi diri sendiri, menjaga diri dengan ketat, agar terus-menerus berada pada garis ta'at, dan jangan sampai menyelewing kapada maksiat.

Dalam istilah lain di-sebutkan sa-bagai mengawasi diri dan yang suka menegor diri sendiri apabila terasa ada kechenderongan melakukan kealpaan dan kesalahan, orang yang memileki sikap muraqabah terhadap diri-nya sendiri boleh di-katakan telah memileki suatu tahap kemajuan rohani yang tinggi.

Pada umom-nya manusia lebeh mudah melihat kealpaan orang lain daripada melihat kealpaan diri sendiri, lebeh suka mengeritik dan mengorek kesalahan orang lain daripada memerhatikan chachat chela diri-nya sendiri, kata peri bahasa: Kuman di-seberang laut kelihatan tetapi gajah di-hadapan mata tidak kelihatan, dengan demikian maka sikap mengawasi diri, membulatkan diri dan menegor kesalahan diri sendiri ada-lah sikap yang terpuji dan orang yang saperti itu ada-lah di-pandang sa-bagai manusia budiman dan sempurna akal-nya sabagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Orang yang sempurna akal-nya ada-lah orang yang suka membulatkan diri-nya dari kesalahan, dan banyak beramal sa-bagai bakal menghadapi kematian, sedang orang yang lemah ia-lah orang yang selalu menurutkan panggilan hawa nafsu-nya, di-samping berangan-angan kapada Allah (Rawahu Termizi).

Di-dalam hubongan bersikap muraqabah ini, maka di-antara para sahabat Nabi yang paling ketara ia-lah Khalifah Umar ibni Al-Khatab, ada di-riwayatkan bahawa beliau pernah berkata: semoga Allah mengasehani orang yang bersedia menunjokkan chachat chela diri ku. Beliau berterima kaseh kapada sa-siapa yang mahu meluruskan-nya andai-nya beliau bengkok di-dalam sa-suatu perkara, beliau pernah menghubongi sa-orang sahabat bernama Sulaiman dan menanyakan tentang chachat chela diri-nya dan berita2 yang mengkeritik yang di-tujukan kapada diri-nya. Maka Sulaiman berkata: tidak ada apa2 namun demikian Umar mendesak agar jangan ragu2 untok mengkhabarkan hal itu. Lalu Sulaiman menjawab: berita yang sampai kapada aku ia-lah bahawa engkau suka mengumpolkan dua macham lauk pauk di-dalam satu hidangan makanan, dan bahawa engkau mempunyai dua pasang pakaian, ia-itu sa-pasang untok siang dan sa-pasang lagi untok malam. Tanya Umar lagi: Adakah berita lain lagi yang sampai kapada mu? Sulaiman menjawab: tidak ada lagi. Lalu Umar berkata: kedua-dua hal yang engkau sebutkan itu tadi telah pun saya tinggalkan.

Dalam pada itu Umar menghubongi lagi sa-orang sahabat lain ia-itu Khuzaifah memegang rahsia Nabi tentang orang2 munafik, Umar menanyakan kapada Khuzaifah kalau2 pengaroh munafik itu ada pula pada diri-nya, demikian-lah Umar ibni Al-khatab yang berperibadi luhor kerana sikap-nya sentiasa mengawasi diri-nya yang mana sedikit pun tidak menjatuhkan atau menurunkan kedudokan-nya sa-bagai sa-orang pemimpin. Saperti mana yang di-khuatiri oleh sa-tengah gulongan manusia yang tidak tahan di-keritik, malah, sikap muraqabah Umar ini ia-lah yang menyebabkan beliau menjadi sa-orang khalifah yang berakhlak tinggi dan mulia.

Maka dari cherita mengenai khalifah Umar ibni Al-khatab itu, mari-lah kita sama2 mengambil iktibar supaya sentiasa bersikap muraqabah. Kerana sa-makin dalam sikap itu di-dalam diri kita maka sa-makin sedar kita terhadap diri kita yang maseh mundor dan ketinggalan dalam amal kebajikan. Dengan itu sudah tentu kita akan melipat-gandakan amal kebajikan lebeh dari apa yang telah kita lakukan sa-lama ini

# IBU-BAPA MEMBENTOK SIKAP ANAK MEREKA

KANAK-KANAK ada-lah merupakan anggota yang penting dalam sa-buah rumah-tangga, penting-nya kanak-kanak itu, kerana pada mereka-lah akan di-warithkan segala bentok kehidupan, segala bentok pekerjaan dan segala bentok kewajipan orang2 dewasa untok di-sambong dan di-olah sa-terus-nya, bagi kepentingan kehidupan mereka di-masa akan datang.

Dari pandangan ahli2 pendidek saikoloji (psychology) bahawa kanak-kanak ada-lah ibarat kertas puteh yang boleh di-lukiskan dengan apa jua chorak yang di-sukai oleh pelukis-nya. Pendapat ini memang bersesuaian dengan sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. yang kira2 bermaksud: *"Bahawa kanak-kanak itu di-lahirkan ka-dunia ini dalam keadaan yang suchi, maka kedua orang tua-nya yang menyebabkan mereka itu menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi".*

Di-dasarkan kapada hadith Rasulullah s.a.w. dan pendapat ahli2 pendidek saikoloji di-atas maka nyata-lah bahawa kedua ibu-bapa di-dalam sa-sebuah rumah-tangga itu mempunyai tanggong-jawab yang amat besar dalam membentok chorak anak2 mereka. Jelas-nya pada tanggong-jawab mereka-lah letak-nya kehidupan kanak-kanak itu di-masa yang akan datang. Sama ada anak2 itu akan menjadi anggota yang beguna kapada masharakat dan ta'at berugama atau sa-balek-nya hanya menjadi beban berat yang di-deritai oleh masharakat dan ugama.

Dari segi pendidekan bahawa rumah-tangga dan alam sekeliling ada-lah unsor yang penting dalam pembentokkan peribadi saseorang kanak-kanak, maka yang demikian itu untok membentok peribadi mereka alam sekeliling terutama ibu-bapa wajib-lah memberikan chontoh2 yang baik yang kelak akan di-ikuti oleh anak2 itu. Untok menghayatkan anak2 itu berugama mithal-nya, maka perlu-lah sa-tiap ibu-bapa itu melakukan terlebeh dahulu apa2 yang di-suroh oleh ugama, sa-umpama bersembahyang, berpuasa menunjokkan chontoh2 pergaulan yang baik dan sa-umpama-nya.

Kemudian itu, di-ikuti pula oleh durongan dan sa-terus-nya bimbingan kapada mereka berhubong dengan perkara2 yang di-sebutkan tadi. Yang demikian kanak-kanak itu akan terbiasa dan sa-terus-nya akan menjadi satu unsor dalam kehidupan mereka kemudian hari.

Sa-balek-nya jika perkara2 yang negatif atau burok di-tunjokkan kapada mereka, maka pasti-lah perkara2 tersebut juga akan di-hayati-nya dan ini sudah tentu akan menjadi masaalah dalam kehidupan mereka di-belakang hari.

Demikian-lah, bahawa sa-tiap ibu-bapa pasti mempunyai hasrat keinginan untok melihat anak2 mereka bahagia di-dunia dan di-akhirat. Bagaimana pun, untok menchapai hasrat yang suchi itu bergantong-lah kapada didekan dan tunjok ajar yang mereka berikan kapada anak-nya. Dalam erti kata yang lain tunjok ajar dan pendidekan itu merupakan satu sumber penting untok mengeluarkan hasil2 yang baik di-masa akan datang.

## Bingkisan minggu ini

# Meraikan saudara baru

SA-ORANG saudara baru yang memelok Ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei baru2 ini telah di-raikan di-satu majlis yang di-langsongkan di-rumah Awg. Budin bin Abdullah di-Kampong Pasai Sengkurong.

Majlis meraikan Dyg. Ade Sunarty bte Abdullah itu telah juga turut di-hadhiri oleh Dato Paduka Awg. Judin bin Asar, Jurutulis Majlis2 Mashuarat dan beberapa orang pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama serta pendudok2 kampong berkenaan.

Sementara itu bertempat di-rumah Awg. Haji Salleh bin Kadir di-Kampong Anggerek Desa, Berakas telah di-langsongkan majlis pengIslaman bagi sa-orang gadis Iban, Mahani anak Lamit berusia 25 tahun.

PengIslaman Dy. Mahani di-sahkan di-hadapan Awg. Ahmad bin Abd. Razak sa-orang pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-mana ia telah memileh nama asal-nya juga sa-bagai nama dalam Islam.

Dan bertempat di-rumah Sgt. Mejar Abd.Hamid bin Abd. Razak di-Kampong Lamunin sa-orang pemuda dari puak Murut telah memileh Mohd. Yusop bin Abdullah sa-bagai nama Islam-nya.

Pengesahan akad Islam itu telah di-sempurnakan di-hadapan Awg. Ahmad bin Husin, Imam Masjid Kampong Lamunin dan di-saksikan oleh Penolong OCPD Brunei / Muara Awg. Mohd. Augustine bin Abdullah yang mana kemudian-nya telah menyampaikan hadiah dari sumbangan Majlis Ugama Islam Brunei

Sementara itu dalam majlis yang berasingan dua orang yang lain sa-orang lelaki China dan sa-orang gadis Dusun telah juga memelok Ugama Islam.

Tan Kui Lan yang memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd. Faizal bin Abdullah telah melangsongkan pengIslaman-nya di-rumah Haji Yaakub bin Metali di-Kampong Pancha Delima, Berakas dan Uniang bte. Abdullah memileh nama Islam-nya sa-bagai Noraini bte Abdullah bertempat di-Kampong Sungai Kedayan 'B'.

Kedua-dua saudara baru itu telah melafadzkan akad Islam masing2 di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat Serudin.



DAYANG Ade Sunarty ketika di-raikan dalam majlis tersebut.



AWANG Mohd Yusop ketika melafadzkan akad Islam-nya. (Gambar2 JHEU).

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19hb Mach, 1980 hingga ka-hari Selasa 25hb Mach, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |
| 20hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |
| 21hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 22hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 23hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 24hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 25hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# BRUNEI SERTAI PERSIDANGAN ISLAM SA-DUNIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei di-wakili oleh dua orang pegawai ugama kanan dalam Sidang Muktamar Islam Sa-Dunia yang akan di-adakan di-Famagusta, Cyprus.

Perwakilan itu ia-lah Mufti Kerajaan Brunei, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan Kadhi Besar Brunei, Y.B. Pehin Datu Imam Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal yang telah pun bertolak meninggalkan negeri ini Juma-at lalu. Ini ada-lah kali ketiga Brunei menyertai persidangan tersebut.

Sidang kali kelapan itu berthemakan 'Islam, Keamanan dan Masaalah Kemanusiaan'.

Terdapat lima tajok penting yang akan di-binchangkan sa-masa seminar tersebut di-jalankan.

Pertama ia-lah masaalah ketiadaan pengiktirafan antarabangsa terhadap hak satiap bangsa dari segi persamaan hak untok hidup sachara terhormat dan bebas.

Kedua ada-nya jurang perbezaan ekonomi antarabangsa yang kaya dan bangsa yang miskin di-mana negara2 yang kaya mementingkan kepentingan2-nya daripada memikirkan negara2 miskin.

Ketiga ada-nya sifat mementingkan diri sendiri dan rasa perkauman yang sempit di-kalangan negara2 pemerintahan dunia yang berlawanan dengan perinsip2 dunia antarabangsa dan persamaan hak manusia yang menghalang terchapai-nya satu penyelesaian yang adil terhadap masaalah kemanusiaan.

Ke-empat ketiadaan keyakinan supaya berlaku adil sa-sama umat2 manusia di-atas dasar keluhoran hak dan keluhoran undang2.

Dan kelima ia-lah masaalah keruntohan belia2 di-sebabkan sistem pendidekan, pelajaran, kebudayaan dan kemasharakatan yang hanya tertumpu kapada dasar2 dan unsor2 kebendaan samata2 dan mengenapikan dasar2 dan unsor2 kerohanian yang amat perlu bagi perkembangan manusia.

# Pemenang peraduan melukis poster Keselamatan Jalan Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Brunei telah mengumomkan keputusan peraduan Melukis Poster Keselamatan Jalanraya bagi sekolah2 menengah dan maktab sa-negeri yang telah di-adakan pada bulan Disember tahun lalu.

Pemenang pertama dalam peraduan itu ia-lah Awang Hassanuddin bin Mohd. Salleh dari Sekolah Inggeris Berakas yang akan menerima hadiah wang tunai sajumlah $200; tempat kedua dan ketiga telah di-menangi oleh penuntut2 dari Pusat Tingkatan Enam. Mereka ia-lah Dk Mariam bte Pengiran Md Daud dan Ak Mohiddin bin Pengiran Md Daud, kedua2 mereka akan menerima wang tunai sajumlah $150 dan $100 tiap2 sa-orang.

Sementara itu majlis keselamatan jalan-raya juga telah menyediakan hadiah sagu hati kapada lima orang penuntut di-negeri ini yang masing2 bernilai $50.00 tiap2 satu.

Mereka yang menerima hadiah sagu hati itu ia-lah Dayang Heng Swan Teng dan Dayang Chin Lah Mei kedua2-nya dari Sekolah Menengah Chung Hwa dari Bandar Seri Begawan; Dayang Masinah bte Bolhassan dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong; Awang Abdul Rahman bin Ahmad dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong dan Awang Md Rantis bin Muhammad dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Lebeh daripada 100 orang pelajar dari 11 buah sekolah di-seluroh negeri telah mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Poster2 yang memenangi hadiah tersebut akan dipamerkan kapada orang ramai bertempat di-Bilek Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-ibu negeri pada 10hb depan.

Sementara itu Majlis Keselamatan Jalan Raya Brunei pada hari Rabu lalu telah mengadakan cheramah mengenai keselamatan jalan-raya kapada penuntut di-sekolah Inggeris Berakas yang telah di-adakan di-dewan sekolah tersebut.

Tujuan di-adakan kempen itu ia-lah sa-mata-mata untok meninggikan kesedaran di-kalangan penuntut2 mengenai kemalangan dan keselamatan jalan-raya.

Lebeh daripada dua ratus orang penuntut tingkatan empat dan lima dari sekolah berkenaan telah menerima cheramah yang telah di-sampaikan oleh Pegawai Lalu-Lintas, Pengiran Haji Salim bin Pengiran Haji Wahid.

Sa-lain daripada menerima cheramah para penuntut juga telah di-tunjokkan beberapa filem slide mengenai kemalangan2 jalan-raja.



# Persediaan bagi mengadakan pepereksaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan telah pun di-buat untok mengadakan pepereksaan2 General Certificate of Education dalam beberapa mata-pelajaran di-Perengkat 'A' dan 'O' dan Sijil Rendah Pelajaran Brunei bagi kedua2 aliran Melayu dan Inggeris yang akan di-adakan lewat tahun ini.

Bagi chalun2 yang akan mengambil bahagian pepereksaan Sijil Am Pelajaran dalam Perengkat 'A' mesti-lah lulus SAP dengan sekurang2-nya tiga mata-pelajaran Perengkat Biasa dalam sekali pepereksaan dan kelulusan itu mesti-lah di-perolehi sekurang2-nya dua tahun sa-belum pepereksaan tersebut.

Bagi chalun2 untok mendudoki pepereksaan Sijil Am Pelajaran Perengkat 'O' pula mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dua tahun sa-belum pepereksaan tersebut dan boleh menunjokkan bokti tentang pelajaran sa-belum-nya.

Borang2 permohonan bagi chalun2 persendirian boleh di-perolehi dari Pejabat Lembaga Pepereksaan sementara chalun sekolah dan pelajar2 kelas dewasa hendak-lah mendaftar melalui sekolah dan pusat masing2.

Borang2 yang telah di-isikan beserta wang bayaran dan surat atau sijil, hendaklah di-kembalikan kapada Pejabat Lembaga Pepereksaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 10hb April, 1980. Sebarang permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Chalun2 persendirian yang berhajat memasoki pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei mesti-lah pernah menghadhiri tingkatan tiga dan dapat menunjokkan bokti pengajian atau pun di-sokong oleh bekas Pengetua sekolah mereka atau pun Penyelia Pelajaran Dewasa di-pusat2 yang berkenaan.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi dari Jabatan Lembaga Pepereksaan Brunei.

Borang2 masok pepereksaan yang telah di-isikan beserta bayaran yang tertentu dan surat2 sokongan atau sijil, mesti-lah di-kembalikan ka-Jabatan Lembaga Pepereksaan pada atau sa-belum 14hb April, 1980. Borang2 permohonan yang di-terima lewat dari tarikh yang di-sebutkan di-atas tidak akan di-layan.

SA-RAMAI 10 orang Ahli2 Yang Berhormat Majlis Mashuarat Negeri termasok dua orang pegawai dari Dewan Majlis telah melakukan lawatan sambil memerhati Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Lawatan tersebut yang di-lakukan sa-hari telah bermula dengan taklimat yang di-berikan oleh YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad, Pegawai Pemerentah Batalion Pertama mengenai aspek perkhidmatan dan keanggotaan AMDB di-Bilek Gerakan Mess Pegawai Berakas Kem.

Terdahulu dari itu kedatangan rombongan pelawat yang di-ketuai oleh Dato Paduka Awang Judin bin Asar, Jurutulis Majlis2 Mashuarat telah di-alu-alukan dan di-sambut oleh Lt Kol C. J. Bowden, Timbalan Pemerentah Pasokan AMDB.

Sa-lain mendengar taklimat pelawat2 itu juga di-berikan penerangan tentang aspek latehan dan gerakan AMDB yang di-sampaikan oleh YDM Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Dato Mejar Haji Mahdini, Pegawai Perhubongan AMDB.

Dari Mess Pegawai pelawat2 itu telah di-bawa mengunjongi bahagian2 lain pasokan tersebut termasok Bahagian Perbekalan, Batalion Pertama dan menyaksikan kelengkapan Skuadron Kereta Perisai Peninjau AMDB yang terdiri dari kereta2 perisai Scorpion dan Sultan.

Sa-lepas mengunjongi Perkhemahan Berakas rombongan pelawat itu telah di-bawa ka-Perkhemahan Bolkiah di-mana mereka menyaksikan bahan2 pameran yang di-simpan dalam Muzium Askar Melayu Diraja Brunei.

**GAMBAR menunjokkan rombongan pelawat itu sedang mendengar penerangan mengenai alat2 perhubongan yang di-gunakan oleh AMDB di-salah satu bahagian kunjongan itu (gambar AMDB).**



SATU pameran khas foto oleh Awang K.F. Wong, sa-orang jurugambar terkenal bertaraf antarabangsa dari Sarawak akan di-adakan di-Bangunan Muzium Brunei mulai hari Khamis 27hb Mach ini. Pameran yang di-kelolakan oleh Muzium Brunei itu akan di-adakan di-Bangunan Muzium Brunei sa-lamasa-bulan.

Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim akan melakukan pra-tunton pada hari tersebut jam 9.15 pagi.

Sa-lain dari gambar2 mengenai alam semula jadi dan kebudayaan di-Borneo, gambar2 yang akan di-pamerkan termasok juga gambar2 yang di-ambil di-luar daripada Borneo. Kira2 300 keping gambar yang berbentok hitam puteh dan berwarna akan di-pamerkan.

Orang ramai, terutama peminat2 fotografi ada-lah di-persilakan menyaksikan pameran tersebut.

Gambar atas menunjokkan salah sa-buah gambar pemandangan di-Sabah yang akan di-pamerkan.

## Perkhidmatan wang kiriman di-Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos telah menubohkan lagi tiga buah tempat menjual setem mulai 1hb Mach yang lalu.

Tempat2 itu ia-lah dua di-Daerah Brunei-Muara ia-itu di-B5 Begawalli Shopping Complex, Jalan Gadong dan Sharikat Sapakat Kampong Bunut dan sa-buah di-Daerah Belait ia-itu Sharikat Perusahaan Taring Kampong Lumut, Seria.

Sementara Jabatan Pos juga telah menambah perkhidmatan kiriman wang di-Pejabat Pos Bangar mulai 15hb Mach yang lalu.

Perkhidmatan2 baru itu ada-lah termasok penerimaan kiriman2 wang biasa dan pembayaran kiriman2 wang biasa dan taligeram atau TMO.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 19HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 ANIMAL WORLD — "Zoo Babies"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO — "The Deadly Assassin"
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 BEWITCHED — "Sam Twitches For UNICEF"
Ilmu seher menjadi amat berguna bila Samantha mengutip wang untok UNICEF.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D.
7.47 AZAN ISHA
7.51 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE PROFESSIONALS : "Back Track"
9.40 FEATURE : "Adventures of Frontier Fremont"
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 20HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 A PLACE TO LIVE
5.15 ADVENTURES OF TIMOTHY PILGRIM
5.30 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL — "The Longhorns" Bahagian pertama
7.47 AZAN ISHA
7.51 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 SURVIVAL
10.20 GARRISON'S GORILLAS — "Rides of Terror"
Pasokan Gorilla memasoki khemah P.O.W. untok menolong sa-orang pegawai Amerika dan mendapati penghuni2 penjara meranchang untok melarikan diri.
11.10 PERLAWANAN GUSTI
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 21HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 WORZEL GUMMIDGE
5.00 SAYANG ADEK-KU SAYANG
5.30 THE MUPPETS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPACE SENTINELS — "Fauna"
The Space Sentinels menemui sa-orang kanak2 liar sa-orang gadis belasan tahun yang di-besarkan di-hutan belantara oleh serigala2. Oleh kerana ia-nya berazam untok menjauhkan peradaban dari hutan ini, ia mengetuai semua binatang2 liar untok menghalau manusia. Tetapi serangan2-nya membawa kapada hasil2 yang tidak di-sangka2 dan membahayakan.
6.26 GREEN HORNET
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 GREEN HORNET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TELEMATCH
7.46 AZAN ISHA
7.50 TELEMATCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 SERBA SERBI
9.00 SOME MOTHERS DO 'AVE 'EM
—Michael Crawford kembali sekali lagi sa-bagai Frank Spencer dalam siri baru ini.
9.30 HAWAII FIVE O — "Love Thy Neighbour and Take His Wife"
Sa-waktu Steve McGarrett dan Yunit Five-O-nya menchari pencholek isteri kapada pengusaha tanah yang kaya-raya Del Wingfield, McGarrett sukar untok memperchayai bahawa pencholek itu ada-lah Ben Tanaka, sa-benar-nya sa-orang penjenayah, yang mana gambar-nya termasok dalam pita video dari kamera talivishen yang tersembunyi.
10.20 BIG LEAGUE SOCCER
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 22HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW SCOOBY DOO
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 WARISAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS
7.46 AZAN ISHA
7.50 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
10.30 CLIFFHANGERS
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 23HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ROAD TO WEMBLEY
5.30 READING WITH LENNY
5.45 HANDFUL OF SONGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S GALAXY GOOF-UPS — "Vampire of Space"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 DON'T ASK ME —
Sa-kumpolan pakar2 menjawab soalan2 sains mengenai dunia sa-harian, dan bahawa soalan2 menarek akan mendapat jawapan2 yang menarek.



JACLYN Smith (Kelly Garrett), Cheryl Ladd (Kris Munroe) dan Shelly Hack (Tiffany Welles) yang akan dapat awda saksikan dalam Charlie's Angles siri terbaharu yang akan mula di-tayangkan pada hari Isnin jam 7.15 malam.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Proof Positive"
7.46 AZAN ISHA
7.50 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 JUST FRIENDS
9.10 MUTIKA
9.50 IKE —
Ike . . . serangan ka-atas Eropah yang membawa kejayaan menjadi satu legenda! Ikuti-lah kejayaan-nya dalam kesah penutop yang menchemaskan ini.
11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 24HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 TALES FROM 1,001 DAYS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Blood Brothers"
Grizzly Adams teringat kembali bagaimana ia menemui Nakoma, sa-orang Indian yang berani dan menjadi "saudara sa-darah-nya."
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS —
Tiga penyiasat private yang jelita akan munchol semula menemui para peminat-nya.
7.46 AZAN ISHA
7.50 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 PUSPARAMA
9.40 ROAD TO MOSCOW
10.30 LOU GRANT — "Denial"
11.10 SIARAN TAMAT

## SELASA — 25HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GENE MACHINE
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Secret Island"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN — "Breakdown"
Gan segera memerlukan pembedahan-saraf. Tetapi ada-kah doktor2 di-Steshen XK72 Penyelidek Angkasa akan menolong sa-orang penjenayah yang di-kehendaki.
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. R. SLOANE — "Collison Course"
7.46 AZAN ISHA
7.50 T. R. SLOANE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 BIG MOVIE : "The Greatest Show On Earth"
11.40 SIARAN TAMAT.



MICHAEL CRAWFORD sa-bagai Frank Spencer dalam siri "Some Mothers Do 'Ave 'Em" yang akan dapat awda saksikan pada hari Jumaat jam 9.00 malam.

## SURVIVAL — The Dusts of Kilimanjaro

BERHAMPIRAN dengan sempadan Kenya dan Tanzania terletak taman saluas 150 batu persegi bernama Taman Kebangsaan Amboseli. Amboseli merupakan rumah bagi 20,000 binatang peliharaan. Ia-nya juga merupakan rumah bagi 2,000 orang puak Masai dan 15,000 ekor lembu. Tambahan pula, lebeh 100,000 orang pelanchong melawat Amboseli sa-tiap tahun, dan bilangan mereka semakin bertambah. Amboseli merupakan taman yang penoh dengan masaalah. Binatang2 peliharaan yang mana tertuboh-nya taman ini untok memberi perlindongan tiga puloh tahun yang lampau, terpaksa bertanding dengan lembu2 Masai untok memakan rumput. Mereka juga menghadapi tekanan dari pelanchong2 dan puak Masai. Di-samping itu, Amboseli mempunyai masaalah keaslian lenyap-nya lebeh dari 90% tanah perkayuan Acacia sejak 20 tahun yang lampau. Banyak binatang2 termasok zarafah, beberapa jenis rusa yang merayau2 dan badak bertandok panjang Amboseli yang termashor, yang bergantong hidup kapada pokok2.

Filem SURVIVAL, THE DUSTS OF KILIMANJARO memperlihatkan Amboseli, dengan kehidupan liar-nya dan masaalah2 utama yang mengancham masa depan-nya. Beberapa jenis binatang saperti cheetah dan badak hitam, hampir2 luput oleh gangguan2. Jika gangguan2 ini dapat dihentikan, baru-lah taman ini dapat bergiat semula dan menjalankan fungsi utama-nya.



# THE ADVENTURES FRONTIER FREMO

KESAH sa-benar mengenai sa-orang lelaki yang menjadikan hutan belantara sa-bagai rumah-nya dan binatang2 sa-bagai teman2-nya.

Dan Haggerty sa-bagai Jacob Fremont, sa-orang penggembara tahun 1830an, yang merasa tidak puas hati dengan penghidupan-nya sa-bagai peladang, juru ukor dan tukang timah, menggembara untok menjadi orang gunong, yang menghadapi berbagai chabaran di-hutan belantara, berbatu2 jauh-nya dari peradaban.

Jacob segera
perjalanan dalam
rupakan masaalah
bagi mereka yang
keadaan-nya. Dalam
gunong, kaki-nya
tetapi di-pelihara
Ia terjumpa binatang2
mau2 besar, anjing2
bisa yang tidak
Sa-chara perlahan2
chara2 kehidupan
nong, Indian2 tempa
ru-nya, binatang2.
Gambar kiri keliha
bagai Driggers, lelak
Haggerty sa-bagai
chuba menolong
karan hutan yang
Valley pada tahun 18



THESE are the people whose voices you hear on SHAPE OF THE FUTURE a programme adapted from the BBC for planners and all who think ahead. The programme goes on air weekly at 12.15 pm. and the third last edition on 25th March is about the future of broadcasting. The series will end on Tuesday 8th April with a look at the future of recreation and the repeat broadcast is on Wednesday evening at 8.00. Seated left to right: Viviyanti Ali (Producer), John Cadman, David Temple, Tom Ashton and Ideris Ali (back to camera), and Glynn Alkin is 'The Man from 1990' (not in picture).

## intisari RTB minggu ini







## BERBALAS PANTUN

PESERTA2 yang akan memenohi ranchangan Berbalas Pantun minggu ini. Gambar kiri pasokan dari Jabatan Pelajaran yang terdiri dari Awang Mursidi bin Mohammad, Awang Kamis bin Haji Gadong dan Awang Mohd Yassin bin Haji Hassan. Peserta2 dari Dewan Bahasa dan Pustaka pula terdiri dari Awang Ismail bin Hassan, Awang Mahali bin Awang Besar dan Awang Mohd Yusof bin Haji Morni.

Ranchangan ini akan dapat di-dengar melalui Bahagian Melayu Radio Brunei pada hari Ahad jam 3.15 petang.

# ANGKA TUNJOK BARANG2 PENGGUNA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah mengeluarkan angka tunjok barang2 pengguna bagi bulan Januari tahun 1980. Angka tunjok harga barang2 bagi bulan tersebut ia-lah 11.5 berbanding dengan bulan Disember hanya 114.4. Ini menunjokkan kenaikan sa-banyak 0.5 peratus.

Ini ada-lah terutama-nya di-sebabkan kenaikan barang2 makan, sewa kasar, alat2 perhiasan rumahtangga dan bayaran2 sekolah. Akan tetapi angka tunjok bagi harga pakaian dan kasut dan lain2 tidak berubah sementara bagi kumpolan perhubongan dan pengangkutan telah turun bagi bulan kedua berturut-turut.

Angka tunjok harga bagi barang2 makanan meningkat dari 115.4 kapada 115.8 di-sebabkan kenaikkan2 harga daging kerbau, lembu, tulang2 rusok, hati, buah2an dan mertabak telor. Maka dengan itu angka tunjok bagi kumpolan kechil bagi daging meningkat dari 117.1 kapada 124.7; buah2an dari 135.8 kapada 137.6 dan makanan sedia masak dari 115.9 kapada 118.0.

Akan tetapi harga2 kobis china, timun, kachang panjang, terong, lada kering telah turun menyebabkan angka tunjok yang lebeh rendah bagi kumpolan kechil sayor2an dan hasil sayor2an dari 132.2 menjadi 129.6 Angka tunjok bagi ikan telah turun dari 117.0 mata menjadi 115.0 sementara angka tunjok bagi kumpolan kechil lain2 makanan turun dari 111.6 menjadi 110.5.

Bagi angka tunjok sewa kasar, bahan api dan tenaga pula ia-nya telah naik meningkat kapada 111.4 mata ini ia-lah kerana bayaran semua flat persediaan meningkat dari 113.0 mata kapada 121.6.

Angka tunjok bagi alat2 perabot, perhiasan dan alat2 kelengkapan Rumahtangga serta pemasangan-nya telah meningkat kapada 114.1 mata di-mana harga2 tilam dan bantal telah menaikan angka tunjok kumpolan kain2an rumahtangga dan lain2 perhiasan dari 128.5 kapada 132.5 mata. Sementara itu angka tunjok bagi pakaian dan kasut tidak berubah.

Manakala angka tunjok bagi pengangkutan dan perhubongan telah turun kapada 114.5 mata ini ia-lah kerana di-sebabkan turun-nya harga kereta buatan Jepun yang menyebabkan pembelian persendirian turun dari 122.7 kapada 120.8. Bagi barang2 dan perkhidmatan2 Rampaian angkaujok-nya telah meningkat dari 116.1 kapada 116.3 ini ia-lah kerana di-sebabkan kenaikan harga2 minuman keras dan ubat minyak geliga.

Di-sebabkan bayaran2 yang lebeh tinggi bagi taman pendidekan kanak-kanak sekolah rendah dan menengah telah menaikan angkaujok harga kumpolan pelajaran dari 111.7 mata kapada 122.4. Oleh kerana itu angkaujok bagi kumpolan harga barang2 permainan hiburan, pelajaran dan perkhidmatan2 kebudayaan telah naik dari 111.0 kapada 113.1 mata.

## Pendaftaran bagi pepereksaan SPB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi pepereksaan Sijil Perdagangan Brunei bagi bulan Jun, 1980 telah dimulakan sejak 10hb Mach lalu dan akan di-tutop pada 10hb April, 1980.

Chalun2 dari kelas dewasa ada-lah di-kehendaki mendaftar melalui guru2 dan Penyelia2 Pelajaran Dewasa sekolah masing2 manakala chalun2 persendirian hendak-lah mendaftar terus ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan tidak lewat dari tarikh yang di-tetapkan.

Keterangan2 mengenai pepereksaan yang lalu hendak-lah di-sertakan bersama dengan borang permohonan masok. Borang2 permohonan boleh di-perolehi dari Pejabat Lembaga Pepereksaan Bandar Seri Begawan.



## Hadhiri kursus

LIMA orang kakitangan Jabatan Kerja Raya (gambar atas) telah berlepas ka-Singapura pada hari Sabtu lalu untok mengikuti kursus sa-chara penempatan salama kira2 dua bulan di-republik itu.

Mereka ia-lah Awang Tajuddin bin Haji Sanip, Pembantu Teknik Kanan; Awang Saban bin Aman, Tukang Pelan Kanan; Awg Mohammad bin Haji Malai Besar, Tukang Pelan Kanan; Pengiran Zaidi bin Pg Haji Damit, Tukang Pelan dan Awang Mohd Yusof bin Haji Abdul Hamid, Tukang Pelan.

Awg Tajuddin dan Awg Saban akan di-tempatkan di-Lembaga Kemudahan Awam manakala Awang Mohammad, Pengiran Zaidi dan Awang Md Yusof akan di-tempatkan di-Lembaga Kemajuan dan Perumahan.

## Pegawai2 AMDB berkursus ka-U.K. dan Singapura

BERAKAS — Lt. Mohidin bin Sahat dari Kompeni Markas Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom bagi mengikuti kursus kira2 delapan bulan.

Belia bertolak pada 3hb Mach lepas dan akan pulang pada 20hb Ogos depan bagi menghadhiri kursus di-School of Ordnan, Camberley.

Bertolak pada hari yang sama ka-UK ia-lah Kopral Jiwa bin Nyawa @ Jewa Marny bin Abdullah dari bengkel pasokan bagi mengikuti kursus Instrument Technician Upgrading di-Sekolah Eletrikal dan Kejuruteraan Mekanik, Bordon. Kopral Jiwa akan mengakhiri kursus tersebut sa-hingga 16hb Julai depan.

Manakala itu pada 3hb Mach juga Kopral Ahmad bin Alim dari Markas Pasokan AMDB telah bertolak ka-Singapura untok menghadhiri kursus Latehan Tekneshen Pergigian sahingga 29hb Ogos ini. Belau akan di-tempatkan di-Institiut Kesihatan Pergigian, Singapura

Juga berkursus d-Singapura ia-lah tiga orang pegawai yang terdiri dari Mejar R. Saville, Mejar Miller dan Kaptan Mohd Shahlan bin Hidup bagi menghadhiri kursus sengkat Latehan Pintas Udara di-Sekolah Latehan Komando. Mereka telah mengikuti kursus itu pada 9hb. Mach lepas dan akan berakhir pada 23hb Mach ini.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 13hb Mach 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   b) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
2. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Nam Fung, No. 114, Bangunan Guru2 Melayu.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chiong Kee, No. 1-A, Jalan Pretty.
   b) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   c) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.
2. BAWANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chiong Kee, No. 1-A, Jalan Pretty.
   b) Chop Lian Ho, No. 24, Jalan Pretty.
   c) Sharikat M Haji, No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
   c) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. BAWANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh beli dari kedai berikut : —
   Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 19hb hingga 25hb Mach 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 19.3.1980 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 19.3.1980 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 19.3.1980 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 22.3.1980 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 22.3.1980 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 22.3.1980 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, | 23.3.1980 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kampong Serasa | 23.3.1980 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 23.3.1980 | Ahad | 11.30–12.30 T/Hari |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | | | |
| Sekolah Melayu Haji Mohamad Salleh, Sungai Hanching | 24.3.1980 | Isnin | 3.00– 4.00 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 25.3.1980 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 25.3.1980 | Selasa | 10.30–11.30 „ |



## Lawatan orang2 buta ka-Sabah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang buta dari Pusat Latehan Pekerjaan Kebajikan telah berlepas ka-Kota Kinabalu pada hari Sabtu lalu untok mengadakan lawatan sambil belajar ka-Sabah dan mendaki Gunong Kinabalu.

Mereka ia-lah Awang Yassin bin Haji Akim, Awg Haji Asmat bin Haji Naim, Awg Ibrahim bin Chuchu, Awg Ismail bin Ibrahim dan Awang Yusof bin Kurus.

Orang2 buta itu telah di-temani oleh Awg Mohd Yassin bin Said selaku Ketua Rombongan dan Awg Foo Kia Peng.

Pemergian mereka itu di-anjorkan Kelab Rotary Bandar Seri Begawan dan tujuan lawatan itu ia-lah bagi mengeratkan tali silatulrahim di-antara pelateh2 buta Brunei dengan pelateh2 buta di-Sabah.

# SOKAN TAHUNAN SMM MOHD ALAM

SERIA. — Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria telah melangsongkan temasha sokan tahunan-nya kali yang ke-XI bertempat di-padang sekolah tersebut pada hari Sabtu 8hb. Mach yang baru lalu.

Temasha sokan tahunan tersebut telah di-rasmikan oleh Pengetua Maktab Anthony Abell, Seria, Awg. Suyoi bin Osman sa-laku wakil peribadi Penolong Penguasa Pelajaran Menengah sa-negeri, Awg. Abd. Jalil bin Abd. Rahman.

Achara pada petang itu telah di-mulakan dengan uchapan alu-aluan dari Awg. Aliakbar bin Ibrahim, pengetua maktab tersebut kemudian di-ikuti dengan uchapan Awang Suyoi yang sa-terus-nya membuka rasmi temasha sokan pada petang itu. Salepas upachara perasmian di-jalankan, Awang Suyoi telah menerima tabek hormat berjalan-lalu dari pasokan2 yang mengambil bahagian dalam temasha sokan itu.

Lebeh dari 100 orang penuntut lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam 18 achara trek dan padang yang telah di-pertandingkan antara-nya lari 100, 200; 800 meter; lompat tinggi, lompat jauh; buang peluru; luntar lembing dan lari

BELIA DAN SOKAN

berganti-ganti 4x100 dan 4x400 meter di-antara rumah2.

Kemunchak dari achara pada petang itu ia-lah lari berganti-ganti 4 x 100 meter jemputan antara sekolah2 menengah dan maktab2 sa-negeri dan pertandingan tarek kalat di-antara guru2 sekolah tersebut.

Sokan tahunan pada petang itu juga telah di-serikan dengan persembahan pancharagam dari pancharagam Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Seria dan pertunjokan jimnastik dari penuntut2 sekolah tersebut.

Temasha sokan tersebut telah di-saksikan oleh pegawai2 dari Jabatan Pelajaran, penuntut2, ibu-bapa serta jemputan2 khas yang lain.

Sementara itu Sekolah Inggeris Berakas juga telah mengadakan sokan tahunan-nya kali yang ka-lapan yang berlangsong di-padang sekolah tersebut pada hari Sabtu 15hb. Mach lalu dan telah di-rasmikan oleh Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit.

Sa-banyak 23 achara sokan telah di-pertandingkan termasok-lah achara lari berganti-ganti 4 x 100 meter antara sekolah2 menengah dan maktab2 dalam bahagian perempuan dan lelaki.

# Bola jaring perengkat akhir sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir bola-jaring antara sekolah menengah dan maktab sa-negeri akan di-langsongkan di-padang Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM.SMJA) di-sini pada hari Sabtu 22hb. Mach ini Mulai jam 2.00 petang:

Sa-banyak 12 buah pasokan bahagian sekolah2 menengah bawah dalam kumpolan A dan B akan turut bertanding ia-itu enam pasokan tiap2 kumpolan. Sementara itu sa-banyak enam buah pasokan pula akan bertanding dalam bahagian Sekolah2 Menengah Atas.

Pertandingan tersebut di-kelolakan oleh Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran sa-bagai salah satu projek tahunan demi untok mengembangkan dan meninggikan mutu sukan dan olahraga di-negeri ini terutama penuntut2 yang di-bangku sekolah.

Sementara itu pada hari Selasa yang baru lalu perlawanan bola-jaring untok memileh wakil bagi sekolah menengah dan maktab2 di-Daerah Brunei dan Muara telah berlangsong di-dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Fatimah di-sini.

Dalam pemilehan itu bahagian A, Pusat Tingkatan Enam telah menewaskan Sekolah Inggeris Berakas dan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong menewaskan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Manakala dalam bahagian B, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Fatimah telah menewaskan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Menengah Atas dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM.SMJA) telah tewas di-tangan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Menengah Atas.

# Lumba jalankaki Palang Merah Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Persatuan Palang Merah, Daerah Belait akan menganjorkan lumba jalan-kaki sa-jauh sa-belas batu pada hari Isnin 31hb. Mach ini di-sini.

Perlumbaan yang sa-jauh tiga batu itu akan di-mulakan di-Padang KBRC dan akan berakhir di-Padang Arena Sokan Seria.

Sa-orang juruchakap dari persatuan itu menyatakan kapada Pelita Brunei minggu lalu bahawa tujuan di-adakan perlumbaan itu ia-lah bagi mengutip tabong persatuan itu di-samping untok menggalakkan belia2 supaya akan bergiat lagi dalam bidang sokan dan olahraga.



# SPI HAJI TARIP JOHAN HOKI

Sekolah Persediaan Ingeris Haji Tarip telah menewaskan Sekolah Persediaan Inggeris Pehin Dato Jamil dengan jaringan dua gol berbalas satu dalam perlawanan hoki perengkat suku akhir bagi sekolah2 rendah dan persediaan Inggeris bagi kawasan Bandar Seri Begawan.

Perlawanan tersebut telah di-langsongkan di-Padang Ong Sum Ping di-ibu negeri di-sini pada petang hari Rabu yang baru lalu. Pertandingan yang merupakan salah satu achara sokan bagi sekolah2 rendah di-seluroh negeri ada-lah kelolaan Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran Brunei.

Gambar atas dan bawah menunjokkan pertandingan hoki di-antara SPI Hj Tarip dan SPI Pehin Dato Jamil pada hari Rabu lalu.





LONTARAN bola-jaring yang di-lakukan oleh pasokan perempuan Maktab SOAS (S) di-pertandingan tersebut yang berakhir dengan kemenangan di-pehak mereka dengan menewaskan pasokan SM. SMJA.

# Jawatankuasa baru Palang Merah Brunei-Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Palang Merah bagi Daerah Brunei dan Muara baru2 ini telah mengadakan mashuarat untok melantek jawatankuasa tertinggi-nya tahun 1980.

Sa-ramai sa-puloh orang ahli persatuan itu telah di-lantek yang terdiri dari Pg Rohana bte Pengiran Temanggong Pengiran Haji Muhammad sa-bagai penasehat, Awg Murni bin Awang Damit sa-bagai timbalan pengarah, Dyg Zaharah bte Pehin Orang Kaya PIDS Haji. Md Taha sa-bagai pengerusi.

Setiausaha di-pegang oleh Dy Rahimah bte Zakaria, bendahari persatuan ia-lah Awang Shadkawi bin Haji Salleh Muhammad, manakala pegawai kebajikan pula ia-lah Abd Razak bin Pehin Orang Kaya PIDS Haji Md Taha.

Tugas pegawai rayuan di-berikan kapada Awang Lakim bin Haji Hamzah, pegawai hartabenda di-pegang oleh Abdullah bin Md Daud dan Othman bin Mohd Yusoff sementara pegawai tata-tertib pula ia-lah Awang Yakub bin Hj Tengah.

# Mashuarat Persatuan Chator

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Agong Persatuan Chator Kebangsaan Brunei akan di-adakan di-Bilek Kuliah Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Ahad depan, 23hb Mach 80 dan bukan-nya di-Pusat Belia saperti yang telah di-umomkan.

Pehak persatuan menyeru semua ahli2 agar dapat menghadhiri mashuarat tersebut kerana di-samping membinchangkan berbagai agenda yang berkaitan dengan perjalanan persatuan ia-nya juga bertujuan untok melantek ahli2 jawatan-kuasa tadbir-nya yang baru.

Satu perlawanan chator gerak-chepat atau lightning chess tournament ada-lah di-jangka menjadi achara penutop bagi pertemuan hari tersebut.

# LANTEKAN AHLI-AHLI SUROHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan melantek empat orang selaku Ahli Pesurohjaya Perkhidmatan Awam Negeri Brunei yang akan memegang jawatan tersebut buat selama tiga tahun bermula pada 1hb Januari 1980 yang baru lalu.

Tiga dari yang di-lantek ada-lah merupakan mereka yang telah pun memegang jawatan tersebut sejak beberapa tahun kebelakangan manakala yang sa-orang lagi ada-lah ahli yang baru.

Ahli yang baru di-lantek ia-lah Dato Paduka Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan. Beliau sa-belum bersara dari perkhidmatan kerajaan ada-lah bekas Ketua Pos Agong Brunei. Lantekan beliau ada-lah buat menggantikan jawatan Allahyarham Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Hamidon bin Awang Damit yang telah meninggal dunia tahun lalu.

Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia Dato Seri Setia P.A. Coates, bekas Wakil dan juga Pengarah Minyak Shell Brunei di-ibu negeri ada-lah merupakan ahli yang di-lantek semula. Beliau telah pun mula diperkenankan menjadi ahli tersebut pada 1hb Julai 1975 buat menggantikan tempat Allahyarham Yang Berhormat Dato Setia Awg Haji Mohammad Taib bin Awang Besar.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Noordin bin Abdul Latif yang juga merupakan ahli yang dilantek semula ada-lah bekas sa-orang pegawai kanan kerajaan. Jawatan akhir yang beliau jawat sabelum bersara ia-lah selaku Penguasa Pelajaran Melayu di-Jabatan Pelajaran Brunei. Beliau juga pernah beberapa kali memangku jawatan selaku Pegawai Pelajaran Negara. Jawatan tersebut sekarang di-kenali sebagai Pengarah Pelajaran Brunei.

Sa-orang lagi ahli yang di-lantek semula, juga orang yang telah di-perkenankan memegang jawatan tersebut sejak 1hb Januari 1971 ia-lah Yang Mulia Dato Paduka Chong Tet Kong. Beliau juga ada-lah bekas pegawai kanan kerajaan yang telah bersara selaku Ketua Juru Kira di-Jabatan Kerja Raya Brunei sa-belum bersara.



Dato Paduka Awg Haji Noordin.



Y.B. Pehin Datu Derma Setia Dato Seri Setia P.A. Coates



Dato Paduka Chong Tet Kong



Dato Paduka Awg Haji Ali Khan

# Upachara perbarisan tamat latehan

Dari muka 1

itu telah memulakan latehan mereka pada 2hb September tahun 1979 di-mana mereka telah menjalani latehan2 lengkap dalam jurusan undang2 dan tugas2 am pulis di-samping itu mereka juga telah di-beri tambahan pelajaran2 saperti pertolongan chemas, berenang dan menyelamatkan jiwa serta latehan judo.

Rekrut yang menamatkan latehan pada pagi itu di-antara-nya sa-ramai 25 orang telah mendapat sijil perantaraan dari Persatuan Penyelamat Kelemasan Diraja.

Dalam latehan judo pula sa-ramai 36 orang telah di-hadiahkan talipinggang warna jingga di-samping itu mereka juga telah di-hadiahkan sijil dari Persatuan Palang Merah yang menunjokan mereka semua lulus dalam ujian pertolongan chemas.

Semasa dalam latehan rekrut2 tersebut juga di-beri peluang melawat ka-beberapa buah jabatan2 kerajaan untok melihat sendiri tugas2 yang di-laksanakan dan mendengarkan penerangan2 dari pegawai2 di-jabatan berkenaan termasok-lah lawatan mereka ka-Sharikat Minyak Shell di-Seria.

Dalam pengambilan keenam itu, tiga orang rekrut telah di-pileh sa-bagai rekrut yang terbaik.

Mereka ia-lah Rekrut 198 Dk Hamimah binte Pg Haji Damit terbaik sekali dalam semua jurusan, Rekrut 1032, Dy Rabayah binte Dollah terbaik dalam undang2 dan pekerjaan pulis dan Rekrut 1083, Dy Rainah bte Mohd Osman terbaik dalam kawad, kawad rusohan, latehan senjata dan latehan jasmani.

Di-samping itu sa-ramai empat orang pulis wanita juga di-hadiahkan lenchana payong terjun yang pertama pernah di-adakan bagi pasokan Pulis Wanita Diraja Brunei. Mereka ia-lah PC 1316 Dayang Norsiah binte Haji Marshidi, PC 1184, Dayang Ainah bte Haji Abd Halim, PC 1500, Dayang Azizah binte Bidin dan PC 626 Dayang Kamariah binte Abdullah.

Penyampaian hadiah dan lenchana2 tersebut telah di-sempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna.

Upachara perbarisan pada hari itu juga telah di-serikan dengan persembahan permainan pencharagam Pulis Diraja Brunei yang di-ketuai oleh Inspektor Kanan, Awang Abd Ghani bin Muhid.

Turut berangkat ka-upachara itu termasok-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah.

Turut hadhir sama menyaksikan upachara itu ia-lah Persurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Yang Amat Mulia Pg Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Bea serta jemputan2 khas dan kaum keluarga dan sahabat handai rekrut2 yang telah menamatkan latehan pada hari itu.

# Pegawai2 yang naik pangkat

Dari muka 1

telah di-naikkan pangkat menjadi Timbalan Pengarah Perikanan mulai 1hb Februari, 1980.

Awang Umar bin Haji Ahai, Penolong Pensharah telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran ia-itu jawatan dalam Bahagian II, mulai 1hb Ogos, 1979.

Tiga orang Pemereksa Kanan, Jabatan Odit telah di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Pemereksa di-jabatan yang sama mulai 1hb Januari, 1980. Mereka ia-lah Dk Mariah bte Pg Ahmad, Awang Shahbudin bin Abd Rashid dan Dayang Yong Yu Yun.

Tujoh orang Pemereksa Terlateh, Jabatan Odit juga di-naikkan pangkat menjadi Pemereksa Kanan di-jabatan yang sama. Mereka ia-lah Ak Bakar bin Pg Damit, Awg Ramli bin Haji Tamin, Awg Ahmad bin Haji Awg Damit, Pg Damit bin Pg Mohd Daud, Pg Petra bin Pg Md Yassin, Awg Lim Thiam Hock dan Awg Zainin bin Haji Kassim. Kenaikan pangkat bagi pegawai2 itu bermula dari 1hb Mach, 1980.

Empat orang Kerani Tingkatan III di-naikkan pangkat ka-jawatan Kerani Tingkatan II, mulai 1hb Februari, 1980. Mereka ia-lah Ak Matahir bin Pg Luba @ Pg Metussin, Awg Mohammad bin Haji Abdullah @ Mohamad bin Aji, Awg Moksin bin Haji Kamis dan Awg Abdul Jalil bin Haji Bakar.

Lima orang Guru Ugama Terlateh di-naikkan pangkat sa-bagai Guru Ugama Tingkatan Khas. Mereka ia-lah Dayang Norhani bte Aspar, Awg Mohamad Taib bin Yahya, Dayang Alimah / Halimah bte Haji C. A. Mohammad, Pg Merali bin Pg Ismail dan Pg Haji Shahbudin bin Pg Omarali. Kenaikan pangkat bagi Guru2 Ugama itu bermula 1hb Januari, 1980.

Dua orang dari Jabatan Perkhidmatan Pos, Awg Emran bin Haji Hashim, Penolong Ketua Pos dan Awg Yahya bin Haji Hassan, Merinyu Pos di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Pos mulai 1hb Mach, 1980.

Awg Hassan bin Haji Ahmad, Guru Ugama Terlateh di-naikkan pangkat sa-bagai Jurutulis Jawi — Adat Istiadat mulai 1hb Mach, 1980.

Awg Abdul Samad bin Kahar, Guru Terlateh Tingkatan Khas di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelia Sekolah2 Daerah mulai 1hb Januari, 1980.

Awg Besar bin Mohammad, Pegawai Teknik — Talikom di-naikkan pangkat sa-bagai Teknik Kanan di-jabatan yang sama mulai 1hb Nobember, 1979.

Awg Mohamad bin Haji Metussin, Pemangku Penguasa (Luar) — Kastam di-naikkan pangkat sa-bagai Penguasa (Luar) mulai 1hb Disember, 1979.

Sementara itu Jabatan Perjawatan juga mengumomkan pertukaran beberapa orang pegawai dan sa-orang bersara.

Awg Mohd Kassim bin Haji Johan, Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas, Wakil Kerajaan Brunei di-Singapura di-tukar sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Belait mulai 1hb Januari, 1980.

Awg Hamzah bin Haji Jaafar, Pegawai Pentadbir Tingkatan I, Daerah Brunei-Muara di-tukar ka-Jabatan Surohanjaya Perkhidmatan Awam dalam jawatan yang sama mulai 28hb Januari, 1980.

Awang Nordeen bin Ibrahim Penterjemah Kanan di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-tukar ka-Pejabat Kehakiman dalam jawatan yang sama mulai 2hb Februari, 1980.

Ak Yusof bin Pg Kula, Pegawai Ugama di-tukar sa-bagai Pegawai Pentadbir Tingkatan I di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan mulai 1hb Mach, 1980.

Dayang Fatimah bte Haji Md Hussain, Pegawai Bahasa di-tukar sa-bagai Setia Usaha Jawatankuasa Dermasiswa di-Jabatan Pelajaran mulai 1hb Mach, 1980.

Awang Haji Abdul Hamid bin Omar, Merinyu Kesihatan Kanan AMDB pula telah bersara pada 3hb Oktober, 1979.

# Kapalterbang baru memulakan perkhidmatan

BERAKAS. — Kapalterbang Diraja Brunei yang ketiga jenis Boeing 737-200 telah memulakan penerbangan perdagangan-nya ka-Singapura pada hari Jumaat lalu.

Sa-jurus sa-belum kapalterbang itu bertolak jam 8.00 pagi, satu majlis bagi merestui perkhidmatan itu telah di-adakan di-lapangan terbang antarabangsa Brunei dengan bachaan do'a selamat yang di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin bin Abdul Hamid.

Sa-telah selesai majlis itu, Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin dengan di-iringi oleh Pengurus Umom Diraja Brunei, Awg Alan Douglas di-bawa menaiki kapalterbang itu untok menyaksikan sa-chara dekat ka-atas kelengkapan yang berbentok moden dan sofistikated itu.

Dalam penerbangan pertama itu, pesawat tersebut telah membawa 34 orang penumpang termasok dua orang pegawai Ugama yang akan menghadhiri Persidangan Islam Sa-dunia di-Cyprus, (berita lanjut mengenai pemergian pegawai2 itu di-siarkan di-muka 6).

Kapalterbang Diraja Brunei yang berharga kira2 $12 juta wang Amerika itu telah tiba di-Brunei pada 10hb Mach yang lalu. Pesawat baru itu boleh membawa 90 orang penumpang dan di-samping itu ia-nya boleh juga di-gunakan sa-bagai pesawat kago apabila di-kehendaki.

# Timbalan Pengarah Perikanan



Awang Matdanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Matdanan bin Haji Ja'afar, sa-orang Pegawai di-Jabatan Perikanan telah di-lantek sa-bagai Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan ia-itu satu jawatan yang baru di-adakan untok perkhidmatan itu mulai 1hb. Februari lepas.

Awang Matdanan ada-lah lulusan McGill Universiti Kanada dengan ijazah BSc dalam pengajian Zoology. Beliau telah mula berkhidmat di-Jabatan Perikanan sejak tahun 1973 dan pada tahun 1976 telah melanjutkan pengajian di-United Kingdom dengan mendapat Diploma dalam pengurusan perikanan dari Grimsby College of Technology.

Di-sepanjang perkhidmatannya, beliau telah kerap kali mewakili Brunei di-persidangan2 dan seminar antarabangsa yang berkaitan dengan hal-ehwal perikanan. Ini termasok-lah menghadhiri persidangan pengendalian, pengolahan dan pemasaran ikan2 tropika yang berlangsong di-London dalam tahun 1976, dan pada tahun lalu menghadhiri seminar perikanan di-Bangkok dan persidangan Pusat Perkembangan Perikanan yang di-adakan di-Singapura.

# Berkursus ka-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengiran Ibrahim bin Pg Mohammad telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untok mengikuti kursus kewangan pos sa-lama tiga bulan.

Sa-lama berada di-sana, Pg Ibrahim akan di-tempatkan di-lima buah tempat termasok Maktab Pengurusan Pos United Kingdom.

Sa-belum pulang ka-tanah ayer, beliau akan di-tempatkan di-beberapa buah chawangan Pos Republik Singapura.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.